

SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAKA KAMBING DAN LEMBU UNTUK TUJUAN PEMBIAKBAKAAN KEPADA PENTERNAK SELIAAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2023

1. PENDAHULUAN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) telah merangka dan mewujudkan bantuan berupa baka ternakan kepada penternak negeri yang komited dalam bidang penternakan dan memenuhi syarat-syarat permohonan bantuan negeri. Permohonan bantuan baka ternakan ini dibuka pada setiap tahun bermula daripada 1 Oktober hingga 30 November.

2. TUJUAN

Bantuan baka ternakan ini adalah sebagai satu langkah Jabatan untuk meningkatkan kualiti genetik ternakan sedia ada di ladang penternak dan meningkatkan produktiviti ternakan serta pendapatan penternak seiring dengan matlamat Jabatan untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) daging dan susu di negeri Pulau Pinang.

3. SPESIFIKASI

Spesifikasi yang perlu dibekalkan adalah seperti berikut : -

Bil	Perkara	SPESIFIKASI MINIMUM	Kuantiti
1	Penjantan: a) Santa Ines b) Boer c) Damara d) Kacukan Brahman	- <u>Umur bebiri dan kambing</u> : 18 – 24 bulan / sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal. - <u>Umur lembu</u> : 24 – 36 bulan / sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal. - <u>Berat bebiri dan kambing</u> : > 40 kg. - <u>Berat lembu</u> : > 350 kg. - Tidak cacat anggota dan penglihatan. - Mempunyai ciri-ciri fizikal bagi	a) Santa Ines : 1 ekor b) Boer : 2 ekor c) Damara : 1 ekor d) Kacukan Brahman : 2 ekor

		<p>baka yang diperlukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai “<i>body score condition</i>” yang baik iaitu tidak terlalu kurus dan tidak terlalu gemuk. - Mempunyai testis yang bersaiz sama dan seimbang di dalam skrotum. - Mempunyai anatomi organ pembiakan (<i>penis</i> dan <i>prepuce</i>) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda keradangan, pembengkakan dan ketumbuhan serta tidak tergantung sehingga ke tanah atau pangkal kaki. - Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri “<i>phenotypic appearance</i>” yang baik. - <u>Ukur lilit scrotum minimum</u>: Santa Ines – 22 cm, Boer – 22 cm, Damara – 22 cm dan Brahman kacukan – 24 cm. 	
2	<p>Betina:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Santa Ines b) Boer c) Damara d) Kacukan Brahman 	<ul style="list-style-type: none"> - <u>Umur bebiri dan kambing</u>: 18 – 24 bulan / sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal. - <u>Umur lembu</u>: 24 – 36 bulan / sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal. - <u>Berat bebiri dan kambing</u>: > 35 kg - <u>Berat lembu</u>: > 250 kg. 	<ul style="list-style-type: none"> a) Santa Ines : 3 ekor b) Boer : 6 ekor c) Damara : 3 ekor d) Kacukan Brahman : 4 ekor

		<ul style="list-style-type: none"> - Tidak cacat anggota dan penglihatan. - Mempunyai ciri-ciri fizikal bagi baka yang diperlukan. - Mempunyai “<i>body score condition</i>” yang baik iaitu tidak terlalu kurus dan tidak terlalu gemuk. - Mempunyai ambing susu yang sama dan seimbang kedudukannya. - Mempunyai puting susu yang baik dan tidak cacat; 2 puting susu bagi kambing dan bebiri manakala 4 puting susu bagi lembu. - Mempunyai anatomi organ pembiakan (vulva) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda keradangan, pembengkakan dan ketumbuhan. - Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri “<i>phenotypic appearance</i>” yang baik. 	
3	Punca bekalan	Tempatan	N/A